

**SEMINAR “BOLEHKAH WANITA BERSUARA, JIKA BERSUARA  
ADAKAH DIDENGAR?”  
(PEMIKIRAN GAYATRI CHAKRAVORTY SPIVAK)**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 28 Julai 2010

di Dewan Capitol UniMAP, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Terima kasih Penggerusi Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi UniMAP

Yang Berbahagia barisan EXCO UniMAP,

Yang Berusaha Dr Hazry Desa, Dekan Pusat Kemahiran  
Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK),

Yang Berbahagia Datin Noridah Yangman Pengerusi Persatuan Isteri dan Kakitangan Wanita (Piskanita) UniMAP,

Yang dihormati wakil Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Perlis,

Yang dihormati wakil Jabatan Pelajaran Negeri Perlis,

Yang dihormati wakil Persatuan KARYAWAN Pulau Pinang,

Para pembentang seterusnya para peserta seminar sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Seminar “Bolehkah Wanita Bersuara, Jika Bersuara Adakah Didengar?” (Pemikiran Gayatri Chakravorty Spivak).

Marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa jua kesulitan dan kekurangan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pembentang dan juga para peserta kerana sudi melibatkan diri dalam seminar anjuran Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, UniMAP dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Perlis, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis , Persatuan KARYAWAN Pulau Pinang dan Persatuan Isteri dan Kakitangan Wanita (Piskanita) UniMAP ini.

Terima kasih ini juga saya titipkan buat pihak AJK Pelaksana yang bertungkus-lumus dalam memastikan kelancaran seminar ini. Semoga apa yang direncanakan ini akan mencapai matlamatnya. Amin.

Hadirin sekalian,

Seperti yang kita tahu, seminar ini diadakan bertujuan untuk menilai sejauh mana kenyataan bahawa golongan wanita tidak

dapat bersuara dan sekiranya mereka bersuara adakah suara mereka akan didengari? Walaupun statistik menunjukkan bahawa kadar populasi wanita yang mencecah hampir 50% daripada jumlah penduduk ini turut mempengaruhi perubahan dalam demografi tenaga buruh, tahap pendidikan dan sosio-ekonomi negara namun adakah itu cukup untuk menjadikan suara mereka lantang sehingga mampu didengari oleh masyarakat? Dan adakah wanita-wanita ini berada sebarisan dengan kaum lelaki dalam pembangunan negara?

Tetapi bagi saya, jumlah penduduk wanita tersebut tidak mencerminkan penglibatan yang setara dengan kaum lelaki di dalam pembangunan negara. Secara umumnya wanita masih tertinggal di belakang berbanding kaum lelaki dalam pelbagai bidang seperti menjadi ahli dalam membuat keputusan di peringkat pengurusan, politik, perniagaan, kepakaran dalam bidang-bidang strategik seperti bidang ekonomi, kewangan, perubatan dan ICT. Kaum wanita secara umumnya masih tertumpu pada bidang-bidang stereotaip seperti perguruan, pekeranian, kejururawatan dan aktiviti perniagaan seperti persolekan, gerai/kedai makan dan pertanian secara kecil-kecilan.

Hadirin sekalian,

Wanita adalah seorang insan yang dijadikan oleh Allah S.W.T mempunyai sifat yang penyayang, jiwa halus tetapi mempunyai semangat yang kental. Masakan tidak, jika mereka tidak mempunyai ciri-ciri sedemikian bagaimana mereka mampu

untuk melahir dan membesarkan anak-anak mereka yang kita tahu pada zaman kecilnya amat nakal.

Tetapi sebagai wanita yang bergelar ibu, mereka mampu mengharungi segala cabaran itu dengan mudah tanpa sebarang sungutan. Malah ada pepatah yang menyebut, ‘Disebalik kejayaan seorang lelaki, mempunyai seorang wanita dibelakangnya’. Ini jelas menunjukkan bahawa jika wanita-wanita ini mampu membentuk seorang manusia malah menjadi tulang belakang kepada manusia yang lain, kenapa pula mereka tidak mampu untuk mentadbir dunia ini? Kenapa kita harus memandang enteng pada suara mereka dan mengapa perbezaan gender harus menjadi batu penghalang bagi wanita ini untuk seiringan dengan kaum lelaki? Saya tinggalkan itu untuk anda renungi bersama.

Pemodenan dan kebangkitan wanita dalam pembangunan sememangnya diakui, walau bagaimanapun, secara umumnya kepekaan terhadap kesetaraan gender masih menjadi persoalan yang belum terjawab sepenuhnya. Oleh yang demikian dasar dan langkah-langkah yang lebih mesra-wanita harus dipertimbangkan dengan sewajarnya bagi memastikan kaum wanita dapat berperanan sepenuhnya bersama kaum lelaki dalam membangunkan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Baru-baru ini kerajaan bersetuju supaya dilaksanakan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam. Kerajaan berharap sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan melaksanakan dasar yang sama.

Hal ini memberi impak yang positif dan ini membuktikan bahawa suara wanita di Malaysia tidak dibisukan. Peranan wanita dalam pelbagai bidang terutamanya dalam pembangunan negara sangat penting dalam mewujudkan dan melahirkan suatu masyarakat Malaysia yang ideal dan hidup dalam suasana saling mengerti dan harmonis.

Terbaru dua wanita Islam di Malaysia yang julung kali di negara ini dilantik sebagai Hakim Syarie di mana sebelum ini dimonopoli oleh kaum lelaki. Justeru, bermula satu era baru yang melibatkan wanita di peringkat pembuat keputusan terus diberi keutamaan sepenuhnya. Pelantikan ini juga merupakan satu lagi lakaran sejarah bagi wanita di dalam bidang perundangan negara. Tahniah diucapkan. Pada saya lantikan ini adalah sebagai satu kepercayaan dan pengiktirafan terhadap kaum wanita dan sekaligus merintis kepada lebih ramai kaum wanita dalam mengisi jawatan penting lain dalam Negara. Dengan perlantikan ini diharapkan mereka akan diberi tanggungjawab yang sepatutnya dan "tidak hanya terbatas kepada satu atau dua perkara sahaja".

Saya juga amat bersetuju dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil iaitu kerajaan negeri juga perlu melantik wanita sebagai Hakim Syarie selaras dengan tindakan yang diambil oleh kerajaan Persekutuan. Hal ini kerana terdapat ramai wanita yang berkebolehan dan berkemampuan serta layak dilantik ke jawatan tersebut. Jika perkara ini diberi perhatian

dan mendapat persetujuan maka usulnya akan dipersembahkan untuk perkenan ke bawah duli Sultan dan Raja-raja.

Hadirin sekalian,

Rasanya tidak perlulah untuk saya bercakap panjang pada hari ini cuma saya berharap agar para peserta seminar akan memperolehi manfaat hasil perkongsian maklumat dan mampu memberi impak yang baik kepada para wanita diluar sana. Semoga seminar yang julung kali diadakan ini akan menjadi perintis kepada seminar-seminar lain yang akan memberi kesedaran mendalam kepada masyarakat.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada pengajur seminar ini iaitu Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, UniMAP dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Perlis, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis dan Persatuan KARYAWAN Pulau Pinang serta semua pihak yang terlibat atas komitmen yang anda berikan terhadap program ini. Jasa dan pengorbanan anda, hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalaunya.

Lembut budi sopannya bahasa,

Tingkah Wanita zaman berzaman,

Wanita moden bangunlah segesa,

Menyahut cabaran perubahan zaman.

Sopan peribadi tuturnya indah,  
Menjadi igauan seanterio dunia,  
Janganlah kita mengambil mudah,  
Suara Wanita laungan dunia.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Seminar “Bolehkah Wanita Bersuara, Jika Bersuara Adakah Didengar?” (Pemikiran Gayatri Chakravorty Spivak). Semoga seminar ini mampu membawa suara wanita supaya lebih didengari.

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.